



## NOTIS PEMAKLUMAN JABATAN ALAM SEKITAR

### PEMANSUHAN BIDANG RUJUKAN BAGI LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING BAGI AKTIVITI YANG DITETAPKAN DI BAWAH JADUAL PERTAMA, PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (AKTIVITI YANG DITETAPKAN) (PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING) 2015

---

Tuan/Puan,

1. Selaras dengan hasrat Kerajaan dalam melestarikan pembangunan negara, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah meneliti ruang penambahbaikan bagi memperkemaskan prosedur penilaian kesan kepada alam sekeliling, *Environmental Impact Assessment* (EIA) yang dilaksanakan oleh Jabatan pada masa kini.
2. Dalam hal ini, bagi mengurangkan karenah birokrasi tanpa mengurangkan kualiti kepada penilaian Laporan EIA tersebut, dimaklumkan bahawa penyediaan dan pengemukaan Bidang Rujukan, (*Term of Reference*, TOR) bagi aktiviti yang tertakluk di bawah Jadual Pertama Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 adalah **dimansuhkan**.

3. Pemansuhan penyediaan TOR bagi Jadual Pertama ini akan berkuatkuasa pada **1 Januari 2021**.
4. Dengan ini, kandungan di dalam *Environmental Impact Assessment Guideline in Malaysia* (EGIM) di bawah perkara 4.2.1 *Terms of Reference for Activities Falling Under the First Schedule* adalah dibatalkan.
5. Dalam tempoh peralihan perlaksanaan ini, terdapat kes-kes yang dirujuk sebagaimana **Lampiran 1** akan diteruskan pemprosesan TOR dan masih menggunakan prosedur sedia ada.
6. Untuk pertanyaan lanjut, boleh berhubung dengan Bahagian Penilaian, JAS Ibu Pejabat atau JAS Negeri seperti di **Lampiran 2**.

Sekian. Terima kasih.

**JABATAN ALAM SEKITAR  
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR  
7 DISEMBER 2020**

**LAMPIRAN 1**

<b>BIL</b>	<b>KATEGORI/SENARIO</b>	<b>PENETAPAN PELAKSANAAN</b>
1	TOR Jadual 1 yang diterima, dinilai dan tamat piagam sebelum 1 Januari 2021.	Penerusan pemprosesan TOR sebagaimana prosedur sedia ada sehingga keputusan pengesahan TOR.
2	TOR Jadual 1 yang masih dalam penilaian dan tamat piagam selepas 1 Januari 2021.	Penerusan pemprosesan TOR sebagaimana prosedur sedia ada sehingga keputusan pengesahan TOR.
3	TOR Jadual 1 yang perlu dikemaskini, belum dikemukakan dan belum disahkan selepas 1 Januari 2021. <i>(Merujuk kepada TOR kemaskini yang dikemukakan selepas 1 Januari 2021)</i>	Tiada keperluan untuk mengemukakan TOR kemaskini. Laporan EIA boleh dikemukakan dengan mengambilkira ulasan-ulasan yang telah dibangkitkan oleh Jabatan, agensi dan pihak-pihak berkepentingan semasa peringkat penilaian TOR.

## LAMPIRAN 2

### Senarai Alamat E-mel JAS

<b>Bil.</b>	<b>JAS Ibu Pejabat dan JAS Negeri</b>	<b>Alamat E-mel</b>
1.	Bahagian Penilaian, JAS Ibu Pejabat	eiapenilaian@doe.gov.my
2.	JAS Perlis	eiaperlis@doe.gov.my
3.	JAS Kedah	eiakedah@doe.gov.my
4.	JAS Perak	eiaperak@doe.gov.my
5.	JAS Pulau Pinang	eiapenang@doe.gov.my
6.	JAS Selangor	eiaselangor@doe.gov.my
7.	JAS WP Kuala Lumpur	eiawpkl@doe.gov.my
8.	JAS Pahang	eiapahang@doe.gov.my
9.	JAS Kelantan	eiakelantan@doe.gov.my
10.	JAS Terengganu	eiaterengganu@doe.gov.my
11.	JAS Melaka	eiamelaka@doe.gov.my
12.	JAS Negeri Sembilan	eian9@doe.gov.my
13.	JAS Johor	eiajohor@doe.gov.my
14.	JAS Sabah	eiasabah@doe.gov.my
15.	JAS Sarawak	eiasarawak@doe.gov.my
16.	JAS WP Labuan	eiawplabuan@doe.gov.my